

JEJAK SULAMAN KELINGKAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA¹

KELINGKAN EMBROIDERY TRACK-MAPPING IN MALAYSIA AND INDONESIA

Suhana bt Sarkawi

Fakulti Pendidikan

suhana.sarkawi@siswa.um.edu.my

Norhayati bt Ab. Rahman (PhD)

Akademi Pengajian Melayu

yati@um.edu.my

Abstrak

Penggunaan benang pipih saduran emas dan perak atau kelingkan sebagai fokus dalam sulaman tudung wanita dalam pakaian Melayu khususnya daripada golongan diraja dan bangsawan telah tercatat dalam sejarah sejak wujudnya perdagangan antara Alam Melayu dengan pedagang dari benua India dan China seawal kurun ke 10. Pengaruh kerajaan Turki Uthmaniyah pula mulai menyebar dalam kurun ke 16. Setakat ini belum ada pemetaan lokasi pemakaian tudung berbenang emas dan perak pipih yang dinamakan kelingkan ini direkodkan secara berpusat dalam satu literatur. Kajian ini bertujuan menjejaki lokasi keberadaan dan penghasilan tudung kelingkan di Malaysia dan Indonesia. Selain itu, kajian ini berusaha mengenal pasti sebaran tudung kelingkan di kedua-dua wilayah dan memperlihatkan kewujudan jenis sulaman *tel müşabak*, *tel kilma* dan *tel sarma* dari Semenanjung Anatolia pada sulaman tudung kelingkan di Malaysia dan Indonesia. Bentuk kemasan hujung renda tudung kelingkan (*oyah*) juga dianalisis satu persatu. Untuk itu, kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan, kepustakaan dan temu bual pakar bagi mendapatkan data. Data dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lokasi keberadaan sulaman kelingkan pada kain tudung di Malaysia adalah di negeri Sarawak, Selangor, Kelantan, Terengganu dan

¹ Artikel ini telah diubah suai daripada Pembentangan Poster dalam Simposium Pengetahuan Pribumi pada 15 April 2015 anjuran Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Negeri Sembilan. Manakala di Indonesia, sulaman kelingkan pada tudung ini ada di Pontianak, Ketapang, Daik dan Palembang. Pengaruh jenis sulaman *tel müşabak*, *tel kirma* dan *tel sarma* dan nama motif pada tudung kelingkan yang dikenal pasti juga turut diperkenalkan. Terdapat persamaan-persamaan dalam teknik sulaman yang digunakan oleh penyulam Anatolia (Semenanjung Turki) dengan penyulam Melayu. Keunikan sulaman kemas hujung (oyah) tudung kelingkan di alam Melayu juga diperkenalkan. Dengan adanya pemetaan lokasi keberadaan sulam kelingkan ini, kajian penggunaan benang pipih saduran emas dan logam perak pada pakaian wanita Melayu dapat diperkembangkan dan diperkenalkan semula kepada generasi Melayu kini. Ketinggian budaya Melayu dan keindahan seni sulaman kelingkan ini juga dapat mengeratkan lagi ikatan budaya dan sejarah hubungan Malaysia – Indonesia yang terjalin sejak berkurun lama.

Kata kunci: kelingkan, sulaman, budaya, Malaysia, Indonesia.

Abstract

The usage of gold giltted and silver thread or kelingkan as the focus point of embroidered veils and clothing among the Malay royalty and aristocrat women has been recorded in history since the trade between the Malay World and the merchants from the Indian subcontinent and China began in the 10th century. The Ottoman influence that spreaded over into the Malay Peninsular in 16th was also present in Malay textiles. There has not been any gold or silver threaded veils called kelingkan / keringkam location mapping is recorded in the one central literature. This study aims to track the location of production and the kelingkan veils in Malaysia and Indonesia. In addition, researchers also try to identify the distribution of veils kelingkan in both regions and show their presence and similiarity in embroidery techniques of tel müşabak, tel kilma and tel sarma from the Anatolian peninsula with the Malay's embroidery techniques in Malaysia and Indonesia. The laced-edge of the kelingkan veils (oyah) is also analysed one by one. Field research, library research and interviews are used to obtain data for this study. The data is analyzed using content analysis. The findings indicate that kelingkan embroidery on veils exist in in Sarawak, Selangor, Kelantan, Terengganu and Negeri Sembilan, Malaysia. Meanwhile in Indonesia, the kelingkan embroidery on veil exists in Pontianak, Ketapang, Daik, and Palembang. The influence of tel müşabak, tel kirma and tel sarma type of embroidery and the motifs' names are also

identified and introduced. There are similarities between the techniques used by the Anatolian (Turkey Peninsular) with the Malay embroiderers. The uniqueness of the kelingkan laced-edge or (oyah) in the Malay world is also exposed. With the location mapping of the existence kelingkan/keringkam embroidery, the study of flat gold giltted and silver thread usage on Malay's clothing can be expanded and reintroduced to a new generation of Malays. The heights of Malay culture and beauty of the art of embroidery can further strengthen the cultural ties and historical relations between Malaysia and Indonesia - which has existed for centuries.

Keywords: *kelingkan, embroidery, culture, Malaysia, Indonesia.*

Pengenalan

Sulaman berbenang emas pada pakaian Melayu mempamerkan ketinggian tamadun dan kesenian bangsa Melayu sejak berkurun lamanya. Keanggunan wanita Melayu semakin terserlah dengan pemakaian tudung ini, terutamanya semasa menghadiri keramaian adat termasuk sebelum dan sepanjang sesuatu majlis pertunangan, perkahwinan atau khatam al-Quran dilangsungkan. Di samping itu, tudung kelingkan merupakan alternatif bagi menjaga maruah wanita Melayu Islam dengan cara menutup aurat. Ketrampilan wanita Melayu akan lebih menyerlah melalui pemakaian tudung kelingkan, selain mengenakan perhiasan seperti kalung, cucuk sanggul, dan anting-anting emas sebagai perhiasan wanita beradab dan beragama. Tulisan ini berusaha untuk menelusuri jejak dan lokasi yang sinonim dengan tudung kelingkan dalam bentuk jadual pemetaan, pemaparan gambar dan peta lokasi tudung kelingkan.

Penggunaan istilah 'tudung' dalam kajian ini merujuk kepada kedua-dua bentuk umum penutup kepala wanita sama ada *selayah* atau *selendang*, manakala apabila menggunakan istilah *selayah* atau *selendang* merujuk kepada jenis bentuk tudung tersebut. Tudung berbentuk segi empat tepat separas bahu digelar *selayah* (Malaysia) atau *melayah* (Indonesia), manakala *selendang* (Malaysia dan Indonesia) merujuk kepada tudung yang berbentuk segi empat tepat yang panjang sehingga ke siku.²

² Hasil temu bual bersama Puan Samsinar M. Yusof di Kampung Pahang, Lingga, Kepri, Indonesia, pada 15 Januari 2015, jam 10.30 pagi.

Dalam kajian ini juga, terdapat kelainan istilah kelingkan yang digunakan. Kelainan tersebut merujuk kepada lokasi kewujudan dan pembuatan sulaman tudung berbenang emas atau perak tersebut. Misalnya *tudung keringkam* adalah istilah yang digunakan untuk merujuk pada tudung kelingkan yang disulam di Kuching, Sarawak, manakala *tudung kelingkam* atau *kelubung kelengkang* adalah merujuk pada tudung kelingkan di Kelantan. Di negeri Selangor pula, istilah yang digunakan ialah *tudung kelingkan*, manakala istilah *terekat terekam* pula merujuk pada tudung kelingkan di negeri Terengganu. Selain itu, istilah *tudung manto* merujuk pada *tudung kelingkan* di Daik (Indonesia), *tudung kalengkang* di Kalimantan Barat (Indonesia) dan *Mudawarah* pula merujuk pada tudung kelingkan di Palembang (Indonesia).³

Kepentingan Kajian

Lokasi tempat kewujudan sulaman benang emas pipih atau benang kelingkan di seluruh wilayah alam Melayu setakat ini belum ditulis secara berpusat dalam satu penulisan ilmiah, baik di Malaysia mahupun Indonesia. Dengan adanya pemetaan lokasi ini, kajian-kajian tentang kelingkan yang akan dilakukan pada masa hadapan akan menjadi lebih mudah dan terarah. Kurangnya penulisan artikel ilmiah mengenai sulaman kelingkan ini menyebabkan perlunya satu kajian rintis terhadap pakaian adat Melayu di Malaysia dan Indonesia dilakukan. Hasil kajian ini pula perlu ditulis dan didokumentasikan sebagai panduan dan catatan awal berhubung dengan sulaman khas wanita Melayu ini agar tidak pupus ditelan zaman.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti sebaran tudung kelingkan di kedua-dua wilayah, Malaysia dan Indonesia.
2. Menjejaki lokasi tempat dan penghasilan tudung kelingkan di Malaysia dan Indonesia yang semakin pupus.
3. Memperlihatkan kewujudan jenis sulaman *tel müşabak*, *tel kilma* dan *tel sarma* dalam sulaman kelingkan di Malaysia dan Indonesia.
4. Menganalisis teknik kemasan hujung (oyah) dan nama motif pada tudung kelingkan.

³ Hasil temu bual bersama Puan Hajah Siti Rafiah, Bukit Besar, Palembang, Indonesia pada 8 April 2015, jam 3.30 petang.

Kaedah Kajian

Bagi tujuan pemerolehan data, kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan, kepustakaan dan temu bual dengan pakar pembuatan kelingkan. Manakala, penganalisan data pula adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk melihat aspek hubungan dan unsur pengaruh dalam setiap sulaman di Malaysia dan Indonesia.

Batasan Kajian

Kajian awal ini hanya memperkenalkan lokasi tempat tudung kelingkan dan pakar sulaman di kawasan kampung-kampung Melayu di Malaysia dan Indonesia. Selain itu kajian ini akan menandakan ke dalam peta wilayah Melayu di Malaysia dan Indonesia yang telah dikenal pasti mempunyai tradisi memakai dan menyulam menggunakan benang kelingkan. Kajian ini tidak memperlihatkan perbezaan motif yang khas untuk satu-satu lokasi dan tidak juga membahaskan perbandingan material yang digunakan dalam benang kelingkan yang digunakan di lokasi-lokasi tersebut.

Persembahan artikel ini lebih kepada pemetaan lokasi dan foto tudung kelingkan yang sinonim kepada setiap lokasi tersebut. Benang kelingkan emas atau perak yang digunakan dalam sulaman hanyalah benang berasaskan logam pipih dan bukannya benang emas atau perak biasa seperti benang tekat yang digunakan dalam sulaman *Koto Gadang* atau *payet* (sulaman berlabuci yang dijahit dengan benang emas pada pakaian atau kain hiasan dalam rumah). Sekiranya terdapat penggunaan benang emas atau benang perak biasa pada tudung kelingkan, ini adalah bertujuan untuk mengikat dan mengemas sulaman kelingkan dan bukannya sebagai bahan utama sulaman tersebut.

Analisis perbandingan teknik sulaman Semenanjung Anatolia pula digunakan untuk membezakan jenis dan teknik sulaman di wilayah-wilayah Melayu yang mempunyai tudung kelingkan dan bukannya untuk membahaskan kaitan kerajaan Turki Uthmaniyah dan alam Melayu secara langsung.

Sampel Kajian

Sampel kajian dikenal pasti melalui kaedah *purposive sampling*. Sampel kajian dikenal pasti melalui tinjauan literatur yang sedia ada dan maklumat daripada pihak Muzium Tekstil Sarawak, Muzium Tekstil Negara Kuala Lumpur, Muzium Alam Shah, Selangor, Muzium Negeri Terengganu, Muzium Kraftangan Kelantan, Muzium Provinsi Kalimantan Barat, Pontianak (Indonesia), Muzium Linggam Cahaya, Daik (Indonesia), Muzium Negeri Palembang, Palembang (Indonesia) dan koleksi persendirian pemilik kelingkan yang ditemu bual.

Kajian ini memfokuskan kepada pemilik atau penyulam tudung kelingkan tua yang menggunakan benang emas atau perak tulen, pemilik atau penyulam tudung kelingkan yang menggunakan benang saduran air emas dan perak tulen, pemilik atau penyulam tudung kelingkan yang menggunakan benang logam seperti emas dan perak dan koleksi pihak muzium di Malaysia dan Indonesia. Pembuat benang kelingkan dan penyulam sulaman kelingkan yang berasal dari Turki juga turut ditemu bual untuk memantapkan penemuan.

Sorotan Kajian

Bangsa Melayu terkenal sebagai bangsa yang kreatif dalam mencipta motif dan menjadikan bahan dagangan dari China dan India ketika berada dalam empayar Sriwijaya (Siti Zainon, 2010) serta pengaruh sulaman pada pakaian tentera Islam dari empayar Turki Uthmaniyah (Johnstone, 1985:8; Siti Zainon, 1985:5; Maxwell, 1994:315-316), yang kemudian menyebarkan ke alam Melayu. Kewujudan bahan-bahan asas untuk penghasilan tudung kelingkan juga secara tidak langsung telah menunjukkan sifat inovasi dan budaya tinggi wanita Melayu (Awang Azman, 2010).

Pelbagai istilah yang digunakan untuk merujuk benang logam pipih bersadur emas atau perak. Dari segi etimologi kata, istilah *kelingkan* berasal daripada perkataan Perancis, iaitu *clinquant* (Azah, 2009:128). Di samping itu juga, kelingkan digelar sebagai *keringkam* dan *kelingkan* di Sarawak (Maimunah, 2001; Norseha, 2012; Dayang Sandrawati, Silverina, Suhaida & Valerie, 2012; Suhana & Norhayati, 2014:189), *kelingkam* Kelantan (Siti Zainon, 2007:60) atau *terekam* Terengganu (Siti Zainon, 1994:140). Manakala istilah lain bagi benang

logam ini adalah '*genggeng*' atau '*kalengkang*' di Kalimantan Barat (Hendry, 2014), serta *kelingkan* (Febby, 2012:274) di Kepulauan Riau, Indonesia.

Penggunaan nama untuk merujuk kepada tudung kelingkan ini juga mempunyai variasi tersendiri, antaranya dikenali sebagai *mantul* (Azah, 2009:128), *mantur* (Abdul Malik, Tenas, Hasan dan Auzar, 2004) atau *manto* (DisBudPar, 2012; Febby, 2012: 272) di Kepulauan Riau, atau '*Mudawarah*'⁴, di Palembang, Indonesia. Cheah (2008) mengkaji berkenaan benang logam emas di Semenanjung Emas, namun beliau tidak menyentuh berkenaan ciri-ciri benang logam emas atau benang pipih emas yang dikenali sebagai kelingkan. Siti Zainon (1994, 1996, 1997, 1999 & 2007) pula menulis tentang busana wanita Melayu yang dipakai bersama tudung kelingkan atau kain limar, tetapi tidak menjelaskan lokasinya. Beliau juga tidak mengkaji secara mendalam tentang sulaman benang logam emas atau perak pipih tetapi sebaliknya banyak mengulas berkenaan tekat timbul yang menggunakan benang emas yang bukan logam. Tiadanya maklumat komprehensif dan khusus tentang sulaman kelingkan di alam Melayu menyebabkan kajian dan dokumentasi pemetaan kewujudan sulaman ini wajar dibuat.

Analisis tudung sulam kelingkan di Malaysia dan Indonesia

Berdasarkan data yang didapati dari Muzium Provinsi Kalimantan Barat dan temu bual dengan Encik Abdi Mawardi, seorang pakar budaya Melayu Kalimantan Barat, Indonesia, didapati orang Melayu Sambas tidak menggunakan sulaman kelingkan.⁵ Pendapat ini disokong oleh Pak Muin Ikram, seorang budayawan dari Sambas, Kalimantan Barat, Indonesia.⁶ Hal ini berbeza dengan orang Melayu Pontianak dan Ketapang, yang mana mereka menggunakan benang kelingkan atau *genggeng* pada baju, perhiasan pernikahan dan juga tudung. Mereka menggunakannya pada perhiasan rumah khususnya pada majlis pernikahan dan pada pakaian. Orang Melayu Sarawak pula menggunakan benang kelingkan ini untuk menghasilkan *selayah* dan *selendang keringkam* sahaja (istilah di Sarawak). Walaupun demikian, tudung kelingkan ini juga boleh dipelbagaikan kegunaannya seperti sebagai lapik rehal al-Quran semasa majlis khatam al-Quran dan *tabir bermukun* semasa majlis perkahwinan Melayu.

⁴ Hasil temu bual bersama Puan Hajah Siti Rafiah, Bukit Besar, Palembang, Indonesia pada 8 April 2015, jam 3.30 petang.

⁵ Hasil temu bual bersama Encik Abdi Nurkamil Mawardi, pada 7 April 2014, di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, jam 9.00 malam.

⁶ Hasil temu bual bersama Pak Muin Ikram, pada 10 April 2014 di Sambas, Kalimantan Barat, Indonesia, jam 3.30 petang.

Seterusnya kajian ini menemukan banyak tempat yang mempunyai koleksi warisan kelingkan di Pulau Lingga seperti Kampung Pahang, Kampung Kenanga, Kampung Bugis, Kampung Bangka. Manakala di Palembang pula, tradisi pembuatan kelingkan masih giat dilakukan di beberapa daerah seperti Daerah Ulu 10 hingga Ulu 13, Palembang. Melalui data yang diperolehi dari Muzium Alam Shah, jejak penggunaan tudung kelingkan juga masih dipraktikkan dalam majlis-majlis tertentu, seperti majlis pernikahan dan juga untuk pakaian golongan bangsawan. Tinjauan ke Muzium Tekstil Negara juga mendapati bahawa negeri Kelantan dan Terengganu juga pernah mempunyai pengusaha sulam tudung berbenang kelingkan. Walau bagaimana pun, menurut Puan Robitah⁷, sulaman kelingkan ini hanyalah popular dalam kalangan orang-orang istana dan di sekitar perkarangan istana Kelantan sahaja.

Sementara itu, didapati tidak banyak dokumen yang menunjukkan tempat kewujudan tudung kelingkan di negeri Terengganu. Namun terdapat beberapa bukti kewujudan sulaman tersebut telah digunakan oleh golongan diraja, termasuklah bukti foto hitam putih Almarhum Tengku Ampuan Mariam Binti Sultan Ahmad Muazzam Shah (Muhamamd Saleh, 1991) dan buku *Adat Istiadat Perkahwinan Tradisional Melayu Terengganu* (Zani, 2004). Semua tempat tudung kelingkan yang telah dijejaki ditandakan di dalam Peta 1. Berikut adalah dapatan kajian mengenai jejak kewujudan penyulam dan tudung kelingkan di beberapa buah negeri di Malaysia dan beberapa buah daerah di Indonesia:

Jadual 1: Jadual Pemetaan Tudung Kelingkan di Malaysia dan Indonesia

Bil	Nama tudung kelingkan	Tempat	Kewujudan	
			Penyulam	Tudung
1.	Tudung Keringkam	Kuching Utara, Sarawak, Malaysia	√	√
2.	Selendang Terekam / Terekat Terekam	Chendering, Terengganu, Malaysia	-	√
3.	Selendang Kalengkan	Kuala Selangor, Selangor, Malaysia	√	√

⁷ Hasil temu bual bersama Puan Robitah bt Hashim, pada 15-16 Mac 2016 di Subang Perdana, Selangor, Malaysia, jam 2.30 petang.

4.	Selendang Kelingkam / Kelubung Kelengkang	Gua Musang, Kelantan, Malaysia	√	√
5.	Selendang Manto	Pulau Lingga, Kepulauan Riau, Indonesia	√	√
6.	Selendang Misfa' dan Mudawarah	Kota Palembang, Sumatera Selatan, Indonesia	√	√
7.	Tudung Kalengkang	Bansir Laut, Pontianak, Indonesia	-	√
8.	Tudung Kelingkan	Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia	-	√
9.	Tudung Kalengkang/ Genggeng	Kota Ketapang, Indonesia	-	√

Perbandingan Sulaman Kelingkan Anatolia dan Alam Melayu

Walaupun terdapat perbezaan nama atau gelaran yang diberikan kepada tudung sulam benang kelingkan ini mengikut tempat atau daerah, namun asas rujukannya adalah sama. Walau bagaimana pun, terdapat perbezaan yang jelas dalam aspek aspek penggunaan motif dan kaedah sulaman yang digunakan oleh pakar penyulam berdasarkan daerah masing-masing. Malahan perkataan 'oya' (Turki Uthmaniyah) yang digunakan untuk menamakan kait benang kelingkan dengan benang emas bulat atau 'oyah' pada Manto mempunyai kaitan persamaan nama dan maksud 'kait benang di pinggir tudung' (*needle work*) yang dipakai oleh pengantin tradisional Anatolia sejak zaman Turki Uthmaniyah hingga sekarang. Terdapat pengantin perempuan Anatolia⁸ masih menggunakan tudung bersulam emas dan berbenang berwarna-warni sebagai penutup kepala (Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Turki, 2005). Sekiranya terdapat pandangan yang mengatakan bahawa tudung kelingkan ini adalah sama dengan bahan dan gaya hiasan sulaman pada bordir (kemasan sepadan kain) kain sari India, tanggapan tersebut adalah kurang tepat.

⁸ Istilah perempuan *Anatolia* digunakan di sini merujuk kepada penduduk tradisi Turki yang masih mengekalkan pakaian tradisional pengantinnya sejak zaman Turki Uthmaniyah.

Benang dan gaya sulaman kelingkan lebih mirip kepada sulaman pada selendang pengantin tradisi atau 'yemeni' atau penutup kepala dan kain *çevre* atau *kerchief* atau kain perca tangan penduduk semenanjung Antolia (Turki Uthmaniyah) yang masih menggunakannya sebagai salah satu aksesori tradisional pengantin perempuan mereka. Anatolia adalah tanah semenanjung di sebelah benua Asia yang merupakan sebahagian besar wilayah Turki Uthmaniyah yang masih kekal dan menjadi sebahagian besar daripada Turki serta merupakan wilayah yang majoriti penganutnya beragama Islam sejak tahun 1176 (Shahbaz, 2015). Suhana dan Norhayati (2014) menyatakan terdapat unsur-unsur pengaruh sulaman Turki Uthmaniyah dalam sulaman kelingkan di alam Melayu khususnya di Daik. Penggunaan istilah 'oyah' oleh penyulam di Daik dan Turki Uthmaniyah yang merujuk kepada kait benang di sekeliling hujung tudung. Persamaan yang wujud hanyalah dari segi istilah, jenis benang logam, fungsinya sebagai hiasan penutup kepala dan teknik sulaman asas sahaja, tetapi tidak sama pada keunikan motif, jenis dan benang jahit kait hujung kain (oyah) serta saiz tudung.

Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi huraian tentang kemasan hujung (oyah), jenis, teknik sulaman dan nama motif tudung kelingkan yang ditemukan dalam alam Melayu.

Analisis Kemasan Hujung (Oyah), Jenis, Teknik Sulaman dan Nama Motif pada Tudung Kelingkan

Bahagian ini akan cuba menghuraikan jenis, teknik sulaman dan nama motif pada tudung kelingkan di alam Melayu. Lapan jenis tudung kelingkan telah dikenal pasti dan seterusnya dipilih dan dianalisis dari aspek kemasan hujung (oyah), jenis, teknik sulaman dan nama motifnya berdasarkan maklumat yang diperoleh secara lisan daripada pakar penyulam dan juga berdasarkan kajian kepustakaan.

Menurut Puan Odul⁹ dan Encik Mehmet¹⁰, terdapat tiga jenis sulaman kelingkan di Tunisia dan Turki, iaitu *tel müşabak*, *tel kirma* dan *tel sarma*. Ketiga-tiga jenis sulaman yang dominan ini juga digunakan di alam Melayu dan dibezakan oleh teknik yang berlainan. Teknik tertentu digunakan ketika menyulam tudung kelingkan mengikut jenis sulaman dan susun letaknya pada tudung tersebut menampakkan perbezaan dari tempat ia dihasilkan, seperti contoh yang dikemukakan di bawah.



Foto 1: Kemasan hujung (oyah) pada *Keringkam* (Koleksi Hajah Salbiah bt Muhi, dari Kuching, Sarawak)

Foto 1 menunjukkan kemasan hujung (oyah) pada keringkam Melayu Sarawak ini dalam bentuk Renda Joneh.¹¹ Sulaman tali airnya dinamakan ‘Ganda Lapan’ dengan menggunakan teknik ‘Kira-Tebuk-Sulam dan Ulang’ (KTSU), jenis *tel müşabak* (istilah dari Anatolia). Bentuk renda yang menyerupai kuntum bunga dari alam flora yang wujud di sekeliling pakar penyulam telah diolah semula secara kreatif. Teknik sulaman ini dipraktikkan oleh pakar penyulam bernama Pn Hj Salbiah bt Muhi, dari Kuching, Sarawak.

⁹ Hasil temu bual bersama Puan Ödül Deren Öztekin Zayene, pada 25 Mac 2016 di Hammamet, Tunisia, jam 10 malam.

¹⁰ Hasil temu bual bersama Encik Mehmet Yilmaz @ Çifte Güvercin pada 26 Mac 2016 di Istanbul, Turki, jam 8 pagi.

¹¹ Hasil temu bual bersama Encik Ahmad Fauzi Attahary pada 1 Mei 2014 di Kuching, Sarawak, jam 5 petang.




Foto 2: Kemasan hujung (oyah) pada *selendang kalengkan*
(Koleksi Muzium Alam Shah, Shah Alam, Selangor)

Seterusnya, Foto 2 menunjukkan kemasan hujung pada salah satu variasi *selendang kalengkan* Selangor yang mempunyai bentuk geometri dan bintang bertabur. Teknik menyulam pada kain jaring dinamakan *tel kirma* dalam bahasa Turki (Adline, 2013). Bentuk geometrik begini dapat dilihat pada banyak hasil seni Islam di seluruh dunia. Ia melambangkan kehidupan manusia yang mempunyai banyak sudut pandang. Motif bintang bertabur pula difahami sebagai lambang pelengkap kepada ruang kosong untuk menunjukkan sisi keseimbangan dan keharmonian ciptaan Tuhan.¹² Teknik ‘Kira-Sulam-Ulang-Semat’ (KSUS), jenis *tel kirma* digunakan pada kain jenis jaring (*netting*) dalam foto di atas.

¹² Hasil temu bual bersama Encik Shahril Afendy bin Bakhtiar di Shah Alam, Selangor, pada 27 Mei 2015, jam 11.00 pagi.



Foto 3: Kemasan hujung (oyah) pada *Manto* (Koleksi Puan Emi, Kampung Daik, Kepulauan Riau, Indonesia).

Foto 3 di atas menunjukkan kemasan hujung *tudung manto* ini dinamakan 'Oyah' (Daik, Indonesia) atau Renda Joneh Sisik Ikan (Sarawak, Malaysia) atau 'Remis' (Palembang, Indonesia). Oyahnya dirangkai menggunakan jahitan renda menggunakan benang kelingkan dan benang suji perak yang besar. Teknik 'Tikam-Tarik-Ulang-Selit' (TTUS), jenis *tel sarma* disulam atas lakaran yang dilukis pada kain selendang. Motif Paku Sebatang (sejenis motif yang menyerupai pucuk paku pakis) dan motif Mutu (motif bertabur dan berbentuk bulat leper) memenuhi bordir tudung.¹³ Paku ini melambangkan kemampuan berdikari dalam banyak persaingan pohon-pohon lain yang ada di dalam hutan.¹⁴ Motif ini disulam satu persatu menggambarkan pergerakannya yang bebas tumbuh melata tetapi tidak menaut pohon atau paku lain yang ada di sekelilingnya. Bunga taburnya pula ialah bunga cengkih dan dihiasi motif bunga melor sekaki di penjurunya. Bunga cengkih bertindak sebagai penawar sakit gigi dan bunga melor pula memberikan keharuman kepada perempuan yang memakainya.¹⁵

¹³ Hasil temu bual bersama Puan Nurhaizan pada 27 Jun 2014 di Kampung Mentuk, Lingga, Kepri, Indonesia, jam 8.00 malam.

¹⁴ Hasil temu bual bersama Encik Lazuardy pada 12 Januari 2015 di Muzium Linggam Cahaya, Daik, Kepri, Indonesia, jam 2.00 petang.

¹⁵ Hasil temu bual bersama Encik Febby Febriyandi, Y.S. di Tanjungpinang, Pulau Bintan, Kepri, Indonesia, pada 9 Januari 2015, jam 3.00 petang.

Dalam *selendang manto* ini, ditemui banyak bahan daripada spesies flora di alam Melayu yang dipateri pada sulaman ini.¹⁶ Motif *Mutu* yang bertabur pula melambangkan sifat memanfaatkan ruang dan peluang dengan sebaiknya dalam kehidupan, seperti yang ditunjukkan pada foto di atas.



Foto 4: Kemasan hujung (oyah) pada *misfa'*
(Koleksi Puan Hajah Siti Rafiah, Bukit Besar, Palembang, Indonesia).

Foto 4 menunjukkan kemasan hujung berbentuk kipas atau Renda Joneh Kulit Kerang (Sarawak) pada oyah *selendang kelingkan* (*Misfa'* besar') berasal dari Palembang, Indonesia. Oyahnya dikait seperti renda menggunakan benang kelingkan dan benang suji emas yang halus. Pakar penyulam ini tinggal di tepian Sungai Musi. Persekitarannya mempengaruhi pemilihan motif. Begitu juga di Sarawak, kebanyakan pakar penyulamnya tinggal di tebing Sungai Sarawak dan berhampiran Astana Negeri. Kehidupan di dalam sungai seperti kerang-kerangan banyak didapati, dan kehidupan di dalam sungai merupakan sumber rezeki kepada para penduduk setempat. Ia juga melambangkan kesuburan dan kekuatan diri dalam mengharungi cabaran hidup.¹⁷

¹⁶ Hasil temu bual bersama Encik M. Fadlillah pada 18 Jun 2014 di Kampung Daik, Lingga, Kepri, Indonesia, pada jam 4.00 petang.

¹⁷ Hasil temu bual bersama Cik Nora Syamsiah bt Saidel di Putrajaya, Malaysia, pada 22 Mei 2014, jam 11.00 pagi.

Teknik TTUS, jenis *tel sarma* digunakan dalam sulamannya. Motif Bunga Kembang Setaman digunakan pada bahagian kepala dan dihiasi bunga labu berangkai sebagai bordir (hiasan tepi tudung). Motif bunga setaman ini melambangkan kasih sayang dan rasa saling hormat-menghormati seperti yang dicerminkan pada foto di atas.¹⁸



Foto 5: Kemasan hujung (oyah) pada *kelingkam* (Koleksi Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur).

Foto 5 menunjukkan kemasan hujung yang dinamakan Ombak Beralun pada *tudung kelingkam* atau *selendang kelubung*, Kelantan. Tudung ini dihiasi kuntum-kuntum teratai di sepanjang bordirnya. Kuntuman ini melambangkan sifat berkasih sayang antara sesama manusia.¹⁹ *Selendang Kelubung* ini menggunakan jenis teknik TTUS, jenis *tel sarma* pada bunga teratai. Oyahnya pula menggunakan sulaman tekat timbul seperti yang dipamerkan pada foto di atas.

¹⁸ Hasil temu bual bersama Puan Hajah Siti Rafiah, Bukit Besar, Palembang, Indonesia pada 8 April 2015, jam 3.30 petang.

¹⁹ Hasil temu bual dilakukan bersama Puan Robitah bt Hashim, pada 15-16 Mac 2016 di Subang Perdana, Selangor, Malaysia, jam 2.30 petang.




Foto 6: Kemasan hujung (oyah) pada *tudung kalengkang* (Koleksi Saudara Hendry Vaganza, Pontianak, Indonesia).

Foto 6 pula menunjukkan *tudung genggang* Ketapang. Ia tidak mempunyai kemasan hujung (oyah) yang berbenang kelingkan atau emas. Bahagian hujung tudung ini dijahit menggunakan teknik kelim halus (jahitan jelujur lurus). Bordirnya dihiasi motif bunga tanjung berangkai yang dipagari dua tali air. Menurut Puan Sh. Faridah Syed Abd Jalil, seperti falsafah pada bordir *tudung manto*, tali air atau rangka bordir ini melambangkan sempadan yang terdapat dalam kehidupan manusia, khasnya perempuan Melayu Muslim. Bunga tanjung berangkai menunjukkan bahawa kehidupan seseorang perempuan itu hendaklah diteruskan walau apapun terjadi.²⁰ Motif bunga dan daun menghiasi setiap sudut *tudung genggang* perak ini. Motif-motif ini melambangkan bahawa Tuhan menjadikan setiap ciptaan-Nya secara berpasangan. Teknik sulamannya adalah TTUS, jenis *tel sarma*.

²⁰ Hasil temu bual bersama Puan Sh. Faridah Syed Abd Jalil di Kpg Bugis, Lingga, Kepri, Indonesia, pada 15 Januari 2015, jam 4.00 petang.



Foto 7 : Kemasan hujung (oyah) pada *tudung kalengkang* (Koleksi Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur, Malaysia).

Foto 7 adalah kemasan hujung *tudung kalengkang* Pontianak yang berbentuk bakul berantai berbenangan wayar emas. Ia dikait dahulu secara berasingan dari sulaman tudung seperti renda. Setelah siap, ia akan disulam di hujung kain tudung sebagai oyah. Bakul berantai ini melambangkan sifat bekerjasama dan saling tolong menolong dalam kehidupan masyarakat Melayu.²¹ Bordirnya dihiasi motif awan larat berbunga pecah piring dan dipagari lakaran dua tali air. Tali air juga melambangkan rahsia dalam kehidupan manusia. Sebagai perempuan yang sudah berumahtangga khususnya, dia wajar menjaga rahsia keluarga dan bergerak dalam sempadan yang telah digariskan oleh Islam. Bunga taburnya pula adalah bunga kangkung setangkai dan dihiasi oleh bunga kangkung sekaki di penjuru tudungnya yang melambangkan kelembutan dan ketabahan perempuan yang sanggup bertahan dalam sebarang keadaan demi untuk keluarganya.²² Teknik sulaman yang digunakan ialah teknik TTUS, jenis *tel sarma*.

²¹ Hasil temu bual bersama Encik Lazuardy pada 15 Januari 2015 di Muzium Linggam Cahaya, Daik, Kepri, Indonesia, jam 2.00 petang.

²² Hasil temu bual bersama Encik Abdi Nurkamil Mawardi di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, pada 7 April 2014, jam 11.00 pagi.



Foto 8: Kemasan hujung (oyah) pada *tudung terekat terekam* (Koleksi Muzium Negeri Terengganu, Terengganu, Malaysia).

Foto 8 memperlihatkan kemasan hujung *tudung terekat terekam* yang menyerupai pucuk rebung. Gambaran pucuk rebung membawa maksud semakin hebat seseorang perempuan itu, semakin wajar untuknya menginsafi kewujudan Tuhan Maha Esa dan betapa kecilnya dia di mata Tuhannya.²³ Dengan ini, tidak wajar untuk menyatakan bahawa dialah satu-satunya yang terbaik dalam kalangan keluarganya atau para isteri yang lain.²⁴ Teknik yang digunakan adalah TTUS, jenis *tel sarma*. Motif daun bunga tanjung merimbun di sepanjang bordir dan motif bunga tanjung sekuntum sepetak menghiasi *tudung terekat terekam*. Motif Mutu juga digunakan dengan banyak pada permukaan tudung.

²³ Hasil temu bual bersama Encik Lazuardy pada 15 Januari 2015 di Muzium Linggam Cahaya, Daik, Kepri, Indonesia, jam 2.00 petang.

²⁴ Hasil temu bual dilakukan bersama Puan Robitah bt Hashim, pada 16 Mac 2016 di Subang Perdana, Selangor, Malaysia, jam 2.30 petang.



Foto 9: Kemasan hujung (oyah) pada *tudung kelingkan*
(Koleksi Encik Shahril Affendy b. Bahtiar, Shah Alam, Selangor).


Foto 9 pula menunjukkan tudung berbentuk segi empat sama berbenang kelingkan dari Negeri Sembilan. Kemasan oyahnya daripada wayar kelingkan berbentuk bakul berantai seperti dalam Foto 7. Bordirnya motif siku keluang, berbunga tabur dan motif khas di sudutnya. Motif siku keluang menunjukkan bahawa dalam kehidupan ini ada ketika manusia menjadi kaya dan ada ketikanya menjadi miskin.²⁵ Manusia hendaklah tahu membawa diri agar tidak terlalu bangga diri atau mudah berputus asa dengan keadaan atau cabaran semasa. Bunga bertabur juga memberi gambaran terdapatnya unsur-unsur persekitaran manusia mempengaruhi perjalanan hidup seseorang.²⁶ Motif di sudut tudung berbentuk pedang dan sarungnya meniru 'Changgai Putri', lambang kebesaran Negeri Sembilan dan disulam dengan teknik TTUS, jenis *tel sarma* dan jahitan tulang ikan digunakan.

²⁵ Hasil temu bual bersama Encik Lazuardy pada 15 Januari 2015 di Muzium Linggam Cahaya, Daik, Kepri, Indonesia, jam 2.00 petang

²⁶ Hasil temu bual bersama Encik Shahril Afendy bin Bakhtiar di Shah Alam, Selangor, pada 27 Mei 2015, jam 11.00 pagi.

Peta Lokasi Kewujudan Tudung Kelingkan di Malaysia dan Indonesia.

Berdasarkan hasil kajian ini, dibentuk sebuah Jadual Pemetaan (Jadual 1) bagi memaparkan daerah-daerah di wilayah Melayu yang mempunyai jejak dan kewujudan tudung kelingkan. Setelah itu, sebuah peta (Peta 1) dilukis untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang lokasi keberadaan tudung kelingkan di Malaysia dan Indonesia.



Peta 1: Peta Lokasi Kewujudan Tudung Kelingkan di Malaysia dan Indonesia.

Penutup

Kajian ini merupakan satu percubaan yang dilakukan untuk merintis jalan bagi menerokai jejak sebaran sulam kelingkan dalam tradisi pemakaian tudung di alam Melayu. Usaha pemetaan ini perlu dilakukan memandangkan setakat ini tiada sebarang tulisan ilmiah atau dokumentasi yang dilakukan terhadapnya, walhal kewujudan tradisi tersebut telah dikesan sejak zaman berzaman. Kajian ini memperlihatkan wujudnya kepelbagaian versi kelingkan di alam Melayu, khususnya di Malaysia dan Indonesia. Kepelbagaian versi tersebut telah menerbitkan kepelbagaian istilah atau cara sebutannya yang berbeza mengikut daerah atau negeri tertentu.

Dalam aspek pembuatan tudung kelingkan juga, dapat dikesan kewujudan pengaruh sulaman kelingkan dari zaman Turki Uthmaniyah di alam Melayu. Walau bagaimanapun, pengaruh tersebut hanya kelihatan pada aspek tertentu sahaja. Sebaliknya terdapat perbezaan-perbezaan yang jelas, terutamanya dari segi motif, ketelitian hasil kerja tangan dan kegunaannya yang tidak sama. Dengan adanya usaha pemetaan ini, diharapkan kajian-kajian susulan dapat dipermudahkan dan dilanjutkan kepada penelitian yang lebih mendalam dan terperinci. Pemetaan lokasi pemakaian, perusahaan dan jenis-jenis sulaman kelingkan benang emas dan perak ini merupakan satu langkah awal untuk mengangkat budaya tinggi bangsa Melayu melalui kajian pakaian wanita Melayu.

Bibliografi

- Abdul Malik, Tenas Effendy, Hasan Yunus dan Auzar Thaher. (2004). *Corak dan Ragi Tenun Melayu Riau*. Balai Kajian dan Yogyakarta: Perkembangan Melayu dan Penerbit AdiCita.
- Adline Abdul Ghani. (2013). *Tradition & continuity: woven and decorated textiles of Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Muzium Kesenian Islam Malaysia.
- Awang Azman Awang Pawi. (2010). 'Sarawak Malay Material Culture and their Weltanschauung: Some Preliminary Research Themes and Findings', *The 2nd International Conference on Humanities and Social Sciences April 10th, 2010 Faculty of Liberal Arts, Prince of Songkla University*. Dipetik dari <http://tar.thailis.or.th/handle/123456789/902> pada 20 Oktober 2014.
- Azah Aziz. (2009). *Rupa dan Gaya: Busana Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azran Arip. (2010). *Sulaman Warisan Sarawak: Tudung Keringkam*. Kuching: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak.

- Cheah Hwei-Fe'n. (2008). Textiles as Cultural Expressions. *Proceedings of the 11th Biennial Symposium of the Textile Society of America*. September 24–27, Honolulu, Hawaii. Dipetik dari <http://digitalcommons.unl.edu/tsaconf/261/> pada 8 Ogos 2015
- Dayang Sandrawati Abang Josmani, Silverina, A.K., Suhaida, H. & Valerie, C. S.L. (2012). 'Selayah keringkam, the traditional embroidery of the Sarawak Malays'. *13th International Joint World Cultural Tourism Conference*, 12-14 Oktober 2012, College of Management Bangkok, University of Phayao, Thailand.
- Febby, Febriyandi YS. (2010). *Laporan Penelitian: Makna Tudung Manto Bagi Orang Daik*. : Indonesia: Balai Pelestarian Sejarah dan Nilai Tradisional Tanjungpinang.
- Febby Febriyandi Y.S. (2010). Makna Tudung Manto Bagi Orang Daik. *Kesenian Tradisional Orang Melayu Rokan: Siri Penerbitan Balai Pelestarian Jarahnitra Tanjungpinang* No. 32/2010. Kementerian Kebudayaan dan Pariwisata. Indonesia: Balai Pelestarian Sejarah dan Nilai Tradisional Tanjungpinang.
- Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Turki. (2005). The Art of Embroidery. *Archeology*. Dipetik dari <http://www.kultur.gov.tr/EN,39640/the-art-of-embroidery.html> pada 7 Ogos 2015.
- M. A. Effendi, Amrin Sabrin, & Amril Usman. (1989). *Pakaian Adat Tradisional Daerah Riau*. Jakarta: Depdikbud.
- Maimunah Daud. (2001). Selayah keringkam Sarawak. *Sarawak Gazette*. Vol. CXXVII, No. 1542, h. 22-25.
- Maxwell, Robyn. (1994). *Textiles of South East Asia: Tradition, trade and transformation*. : KL: Australian National Gallery.
- Muhammad Saleh Hj Awang. (1991). *Sejarah Darul Iman (Edisi Ketiga)*. Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu.
- Norseha Unin. (2012). The Keringkam Veil of Sarawak. *Crafts*. Dipetik dari http://www.crafthub.com.my/publish_img/pdf/Crafts_Jan2012.pdf pada 8 Ogos 2015.

- Johnstone, Puline. (1985). *Turkish Embroidery*. Holland: Victoria Albert Museum.
- Siti Zainon Ismail. (1994). 'The Art of Embroidery,' dalam Shamira Bhanu (Peny.), *The Crafts of Malaysia*. Singapore: Didier Millet. h. 139-147.
- Siti Zainon Ismail. (1996). *Baju Melayu Johor*. Johor Bahru: Yayasan Johor.
- Siti Zainon Ismail. (1997). *Tekstil Tenunan Melayu; Keindahan budaya tradisi Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. (1999). *Songket: Satu Warisan Malaysia*. Kuala Lumpur: Petronas.
- Siti Zainon Ismail. (2007). 'Malay Embroidery and Tekat', dalam Dato' Haji Sulaiman, Othman, (Peny.), *The Crafts of Malaysia. Volume 14*. Singapore: Didier Millet.
- Siti Zainon, Ismail. (2010). Seni Sulaman Kelingkan Keringkam Sarawak. *Seni Rupa Alam Melayu* [Online]. Dipetik dari <http://senirupasiti.blogspot.com/2010/01/seni-sulaman-kelingkan-keringkam.html> pada 20 Oktober 2014.
- Suhana Sarkawi dan Norhayati Ab Rahman. (2014). Selayah Keringkam dan Selayah Manto: Sulam Budaya Melayu Sarawak (Malaysia) dan Melayu Daik (Indonesia). *Prosiding Persidangan Kebangsaan Kecemerlangan Melayu Pertama*. Hotel Armada Petaling Jaya, 2-3 Disember 2014. h 188-209.
- Syed Ali Shahbaz (2015). Muslim Rule in Anatolia. *Aalul-Bayt (a.s) Global Center of Information: Imam Reza Network*. Dipetik <http://www.imamreza.net/eng/imamreza.php?id=10586> pada 6 Ogos 2015.
- Turkish Cultural Foundation. (2015a). Oya, The Language Of Anatolian Women. *Textile Arts*. Dipetik dari <http://www.turkishculture.org/textile-arts/oya-70.htm> pada 4 Ogos 2015.

Turkish Cultural Foundation. (2015b). Turkish Embroidery. *Textile-Arts*.
Dipetik dari <http://www.turkishculture.org/textile-arts/oya-70.htm> pada 4 Ogos 2015.

UU Hamidi. (1995). *Orang Melayu di Riau*. Pekanbaru: UIR Press.

Zani Ismail. (2004). *Adat Istiadat Perkahwinan Tradisional Melayu Terengganu*. Kuala Terengganu: Percetakan Nasional Berhad.

Pakar yang ditemu bual

Encik Abdi Nurkamil Mawardi pada 7 April 2014 di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia.

Pak Muin Ikram, pada 10 April 2014 di Sambas, Kalimantan Barat, Indonesia.

Encik Hendry Vaganza pada 9 April 2014 di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia.

Encik Ahmad Fauzi Attahary pada 1 Mei 2014 di Kuching, Sarawak, Malaysia.

Encik M. Fadlillah pada 18 Jun 2014 di Kampung Daik, Lingga, Kepri, Indonesia.

Cik Nora Syamsiah bt Saidel pada 22 Mei 2014 di Putrajaya, Malaysia.

Puan Nurhaizan pada 27 Jun 2014 di Kampung Mentuk, Lingga, Kepri, Indonesia.

Cik Zainab bt Muhi pada 2 November 2014 di Stadium Negara Bukit Jalil, Malaysia.

Cik Hjh Salbiah bt Muhi pada 2 November 2014 di Stadium Negara Bukit Jalil, Malaysia.

Encik Febby Febriyandi, Y.S. pada 9 Januari 2015 di Tanjungpinang, Pulau Bintan, Kepri, Indonesia.

Encik Lazuardy pada 12-15 Januari 2015 di Muzium Linggam Cahaya, Daik, Kepri, Indonesia.

Encik Syed Abd Hamid pada 14 Januari 2015 di Kpg Kenanga, Lingga, Kepri, Indonesia.

Puan Samsinar M. Yusuf pada 15 Januari 2015 di Kpg Pahang, Lingga, Kepri, Indonesia.

Puan Emi pada 15 Januari 2015 di Kpg Pahang, Lingga, Kepri, Indonesia.

Puan Sh. Faridah Syed Abd Jalil pada 15 Januari 2015 di Kpg Bugis, Lingga, Kepri, Indonesia.

Puan Hajah Siti Rafiah, pada 8 April 2015 di Bukit Besar, Palembang, Indonesia.

Encik Shahril Afendy bin Bakhtiar pada 27 Mei 2015 di Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Puan Robitah bt Hashim pada 15-16 Mac 2016 di Subang Perdana, Selangor, Malaysia.

Puan Ödül Deren Öztekin Zayene pada 25 Mac 2016 di Hammamet, Tunisia.

Encik Mehmet Yilmaz @ Çifte Güvercin pada 26 Mac 2016 di Istanbul, Turki.